

Qatar minat bina 500,000 rumah mampu milik

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
juani.bal<ar@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, kerajaan Qatar bersetuju melabur dalam pembinaan 500,000 unit rumah mampu milik di bawah Keluarga Malaysia di negara ini.


Perdana Menteri berkata, selain itu, negara itu juga bersetuju untuk mengimport lebih banyak minyak kelapa sawit sebagai alternatif kepada minyak bunga matahari selain cadangan menjadikan Malaysia sebagai hab penerbangan Qatar Airways.

Katanya, menerusi pertemuan bersama Sheikh Tamim, Malaysia turut mengetengahkan beberapa cadangan dalam penerokaan peluang pelaburan di Qatar kepada syarikat-syarikat Malaysia dan antaranya, North Field Expansion Project yang meliputi tiga fasa.

“Saya juga mencadangkan Petronas diberi peluang untuk terbabit dalam projek ini. Alhamdulillah, cadangan saya disambut baik oleh Amir Qatar,” katanya dalam sidang media bersempena lawatan ke Qatar.

Ismail Sabri memberitahu, kedua-dua pihak bertukar-tukar pandangan tentang isu berkaitan hubungan dua hala.

“Dalam usaha memperkukuhkan lagi hubungan kerjasama antara kedua-dua negara, kami bersetuju untuk meningkatkan pertukaran lawatan peringkat



ISMAIL Sabri Yaakob dan Sheikh Tamim mengadakan pertemuan di Doha, semalam sempena lawatan rasmi Perdana Menteri di Qatar. - GAMBAR FB ISMAIL SABRI YAAKOB

tertinggi di antara Malaysia dan Qatar. Di kesempatan ini, saya telah mengundang Sheikh Tamim untuk mengadakan lawatan ke Malaysia.

“Semoga hubungan dua hala kedua-dua negara bertambah kukuh dan memberikan pelbagai manfaat kepada Keluarga Malaysia dan rakyat Qatar.

“Kerajaan Qatar juga menyatakan kesudiannya membenarkan pembukaan cawangan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Doha.

“Saya percaya dengan pembukaan sempadan kedua-dua negara, Malaysia dan Qatar mengambil peluang mengukuhkan kerjasama dua hala dalam

pelbagai bidang khususnya industri halal, makanan, perbankan Islam, tenaga boleh baharu serta minyak dan gas,” ujarnya.

Ismail Sabri berkata, dua-dua negara turut bersetuju mengintegrasikan aplikasi EhTeraz (Qatar) dan MySejahtera (Malaysia) untuk mengiktiraf sijil vaksinasi Covid-19 masing-masing.